

SH 4/12/2020 m/s 14


# Petani, penternak dan nelayan terjejas banjir akan diberi insentif

**JOHOR BAHRU** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sedang mengenal pasti jumlah petani, penternak dan nelayan seluruh negara yang terjejas akibat banjir termasuk kerugian yang hadapi mereka.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, insentif akan diberikan selepas proses pengukuran dan siasatan dilakukan sejurus musim tengkujuh tamat.

“Petani, penternak serta nelayan digesa untuk membuat laporan kepada pihak berwajib sekiranya terdapat kerosakan berlaku. Antara yang terjejas Johor, Melaka serta negeri di pantai timur.

“Pegawai kita akan datang mengukur, siasat dan membuat alancian setakat mana kerosakan. Bantuan pula diberikan bukan sahaja daripada segi kewangan tetapi juga barangan mengikut nilai kerugian ma-



**Ahmad (tiga dari kiri) meninjau barang keperluan dan bahan basah di PST Permas Jaya, Bandar Baru Permas, Johor Bahru pada Ahad.**

sing-masing.

“Ini kerana jumlah kerosakan tidak sama iaitu mengikut keluasan kawasan pertanian atau penternakan. Kita akan perincikan bantuan itu,” katanya dalam sidang akhbar selepas melawat Pasar Segar Terkawal (PST) Permas Jaya, Bandar Permas Jaya pada Ahad.

Ahmad berkata, insentif perlu diberikan me-

mandangkan mereka merupakan penyumbang utama dalam pembangunan bekalan makanan negara.

“Satu pendekatan kita, kita mahu beri insentif dan bantuan kepada mereka dalam apa jua keadaan sekali pun. Cuma kita harap musim tengkujuh ini segera berakhir kerana ketiga-tiga ini merupakan sektor utama dalam aktiviti kementerian ini,” katanya.